

10 JUL 2001

DIALOG BELANJAWAN

BELANJAWAN 2002 PATUT BERI KEUTAMAAN KEPADA PERPADUAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Daya tahan dalaman Malaysia boleh dipertingkatkan lagi jika perpaduan negara boleh diperkukuhkan dan Belanjawan 2002 patut memberi keutamaan ke arah ini, demikian menurut Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI).

"Barangkali, pertimbangan patut juga diberikan untuk menubuhkan sebuah Institut Perhubungan Kaum atau menghidupkan semula Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi (SERU) bagi menjalankan kajian mengenai perpaduan dan perhubungan kaum," katanya dalam memorandumnya yang dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi Belanjawan 2002.

Memorandum telah dikemukakan oleh ketua pegawai eksekutif ASLI Datuk Michael Yeoh semasa Dialog Belanjawan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya pagi tadi.

ASLI juga mencadangkan supaya sebuah Majlis Perundingan Perpaduan Negara peringkat tertinggi yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri atau timbalannya ditubuhkan.

Selain itu, institut tersebut juga menyarankan agar sebuah Majlis Penasihat Ekonomi Negara dibentuk dengan dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan dianggotai oleh ahli-ahli ekonomi, penganalisis kewangan dan perancang-perancang strategi jangka panjang dari sektor kerajaan, akademik dan swasta.

Antara lain, institut itu mencadangkan supaya konsep Persyarikatan Malaysia diubahsuai untuk menjadikannya relevan bukan sahaja kepada masyarakat perniagaan tetapi juga kepada rakyat biasa.

ASLI juga berkata: "Belanjawan 2002 boleh juga mengkaji untuk menyusun semula kerajaan agar ia boleh memberikan perkhidmatan yang lebih cepat di semua peringkat dan memberi lebih tumpuan kepada pelanggan - warga negara ini."

Menyusun semula kerajaan boleh menjadi inisiatif utama untuk memperbaiki kecekapan keseluruhan dan tahap perkhidmatan yang seterusnya akan mempertingkatkan lagi daya saingan, dan Belanjawan 2002 boleh menyediakan perancangan dan pembiayaan yang mencukupi untuk melaksanakan tugas ini, tambahnya.

Proses mempertingkatkan tadbir urus yang baik boleh juga diperkukuhkan lagi dengan deregulasi dan liberalisasi selanjutnya, tegas ASLI.

Ia menambah kata: "Ke arah matlamat ini, adalah dicadangkan supaya garis panduan FIC (Jawatankuasa Pelaburan Asing) dilonggarkan lagi dengan memperluaskan had RM20 juta kepada sektor selain daripada sektor harta agar merangkumi pelaburan-pelaburan lain dalam ekonomi sebenar."

ASLI berkata, langkah-langkah yang sesuai juga harus diambil untuk merangsang dan mengembalikan keyakinan pelabur terhadap pasaran modal, barangkali, dengan mengurangkan cukai korporat dan cukai pendapatan kepada 25 peratus dalam Belanjawan 2002. -- BERNAMA

MK SD KY OS